MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA

KERAJAAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

DENGAN

KERAJAAN MALAYSIA

BERKENAAN

KERJASAMA DALAM BIDANG PENDIDIKAN

KERAJAAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM diwakili oleh Kementerian Pendidikan dan Latihan Viet Nam dan **KERAJAAN MALAYSIA** diwakili oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (kemudian daripada ini dirujuk secara bersendiri sebagai "Pihak" dan secara kolektif sebagai "Kedua-dua Pihak"),

BAHAWASANYA Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam dan Kerajaan Malaysia telah mengikat Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam dengan Kerajaan Malaysia berkenaan Kerjasama dalam Bidang Pendidikan pada 21 April 2004 ("Memorandum Persefahaman 2004");

BAHAWASANYA setelah berjaya melaksanakan Memorandum Persefahaman 2004, Kedua-dua Pihak kini berhasrat untuk meneruskan kerjasama dalam bidang pendidikan melalui Memorandum Persefahaman ini yang akan berfungsi sebagai pembaharuan kepada Memorandum Persefahaman 2004;

MENGIKTIRAF hubungan baik sedia ada antara kedua-dua negara;

INGIN mengukuhkan dan terus mewujudkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang pendidikan;

YAKIN tentang perlunya kerjasama yang berkekalan dan berkesan demi kepentingan kedua-dua negara; dan

PERCAYA bahawa kerjasama tersebut akan memenuhi kepentingan bersama mereka dan menyumbang kepada perkembangan bidang pendidikan dan pembangunan sosial kedua-dua negara,

TELAH DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

PERKARA 1
OBJEKTIF

Kedua-dua Pihak, tertakluk kepada syarat dalam Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, kaedah, peraturan serta dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa di setiap negara, bersetuju untuk mengukuhkan, meningkatkan dan mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan antara Kedua-dua Pihak atas dasar kesamaan dan manfaat bersama.

PERKARA 2
BIDANG KERJASAMA

Setiap Pihak hendaklah, tertakluk kepada undang-undang, kaedah, peraturan dan dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, mengawal perkara tersebut di negara mereka masing-masing, mengambil langkah yang perlu untuk menggalakkan dan meningkatkan

kerjasama dalam bidang berikut:

(a) penggalakan hubungan antara sekolah dan institusi;

(b) pendidikan dan latihan guru;

(c) kerjasama dalam penilaian pendidikan;

(d) perancangan dan penyelidikan pendidikan;

(e) pengurusan dan kepimpinan pendidikan;

(f) reka bentuk dan perkembangan kurikulum; dan

(g) apa-apa bidang kerjasama lain menurut objektif Memorandum Persefahaman ini seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1, yang akan dipersetujui bersama oleh Kedua-dua Pihak.

PERKARA 3
BENTUK KERJASAMA

Tertakluk kepada undang-undang, kaedah, peraturan dan dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, bentuk kerjasama di bawah Memorandum Persefahaman ini adalah seperti yang berikut:

(a) program pertukaran antara pemimpin pendidikan, pegawai tinggi, pakar, guru, pentadbir dan pelajar;

(b) pertukaran bahan, terbitan, alat bantu mengajar dan maklumat berkaitan dengan pendidikan;

(c) mesyuarat, bengkel, pameran, persidangan, seminar,

lawatan sambil belajar, pertandingan, kem, biasiswa atau penajaan; dan

(d) apa-apa bentuk kerjasama pendidikan yang lain menurut objektif Memorandum Persefahaman ini seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1, yang akan dipersetujui bersama oleh Kedua-dua Pihak.

PERKARA 4
PIHAK BERKUASA DITETAPKAN

Pihak berkuasa ditetapkan yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini bagi pihak Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam ialah Kementerian Pendidikan dan Latihan Viet Nam dan bagi pihak Kerajaan Malaysia ialah Kementerian Pendidikan Malaysia.

PERKARA 5
KUMPULAN KERJA BERSAMA

1. Kedua-dua Pihak hendaklah menubuhkan Kumpulan Kerja Bersama Viet Nam – Malaysia (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kumpulan Kerja Bersama").

2. Kumpulan Kerja Bersama hendaklah -
   (a) mempertimbangkan cara dan kaedah untuk mencapai objektif yang dinyatakan sebelum ini dan memastikan keputusan dan/atau cadangannya diselaraskan dan dilaksanakan dengan sewajarnya;

(b) menyemak semula kemajuan pelaksanaan semua persefahaman yang diputuskan antara kedua-dua negara dalam rangka kerja Memorandum Persefahaman ini; dan

(c) mengambil langkah yang perlu untuk memastikan persefahaman tersebut dilaksanakan dengan berkesan dan pantas.

3. Kumpulan Kerja Bersama hendaklah dipengerusikan bagi pihak Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam oleh Timbalan Menteri Kementerian Pendidikan dan Latihan Viet Nam atau mana-mana pegawai kanan yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan dan Latihan Viet Nam dan bagi pihak Kerajaan Malaysia oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia atau mana-mana pegawai kanan yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan penyertaan daripada agensi kerajaan lain yang berkaitan bagi Kedua-dua Pihak jika bersesuaian.

4. Kumpulan Kerja Bersama hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) tahun atau apabila perlu, secara bergilir di Malaysia dan Viet Nam.

5. Kumpulan Kerja Bersama hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh yang bersesuaian dan dipersetujui bersama oleh Kedua-dua Pihak.

6. Komposisi dan prosedur Kumpulan Kerja Bersama hendaklah dipersetujui bersama oleh Kedua-dua Pihak.

7. Keputusan dan persetujuan lain daripada Kumpulan Kerja Bersama hendaklah diminitkan dalam Minit Mesyuarat yang telah dipersetujui dan hendaklah mematuhi Memorandum Persefahaman ini dan Kedua-dua Pihak hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk melaksanakan keputusan dan persetujuan ini.

PERKARA 6
PENGATURAN KEWANGAN

1. Pengaturan kewangan untuk menampung perbelanjaan aktiviti kerjasama yang dijalankan dalam rangka kerja Memorandum Persefahaman ini hendaklah dipersetujui bersama oleh Kedua-dua Pihak tertakluk kepada setiap kaedah, peraturan dan tersedianya dana oleh kedua-dua Pihak.

2. Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan 1 di atas, perbelanjaan untuk mengadakan mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama hendaklah ditanggung oleh Pihak yang menjadi tuan rumah mesyuarat tersebut. Pihak yang menghantar wakilnya untuk menyertai mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama, jika ada, hendaklah menanggung perbelanjaan perjalanan dan sara diri mereka sendiri.

PERKARA 7
PENYERTAAN PIHAK KETIGA

Mana-mana satu Pihak boleh mempelawa penyertaan pihak ketiga

dalam aktiviti atau program bersama yang dijalankan menurut Memorandum Persefahaman ini setelah dipersetujui oleh Pihak yang satu lagi. Ketika menjalankan aktiviti atau program bersama tersebut, Kedua-dua Pihak hendaklah memastikan pihak ketiga mematuhi peruntukan dalam Memorandum Persefahaman ini.

PERKARA 8
PERLINDUNGAN HAK HARTA INTELEKTUAL

1. Perlindungan hak harta intelektual hendaklah dikuatkuasakan menurut undang-undang, kaedah dan peraturan negara berkenaan bagi Kedua-dua Pihak dan perjanjian antarabangsa lain yang Kedua-dua Pihak adalah Pihak padanya.

2. Penggunaan nama, logo dan/atau lambang rasmi Kedua-dua Pihak bagi apa-apa terbitan, dokumen dan/atau kertas adalah dilarang tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu oleh mana-mana satu Pihak.

3. Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan 1 di atas, hak harta intelektual berhubung dengan apa-apa perkembangan teknologi, pembangunan produk dan perkhidmatan, yang dijalankan -

   (a) secara bersama dengan Kedua-dua Pihak atau keputusan penyelidikan yang diperoleh melalui usaha aktiviti bersama Kedua-dua Pihak, hendaklah dimiliki secara bersama oleh Kedua-dua Pihak, menurut syarat yang akan dipersetujui bersama; dan

(b) secara mutlak dan berasingan oleh Pihak tersebut atau keputusan penyelidikan yang diperoleh melalui usaha mutlak dan berasingan Pihak tersebut, akan dimiliki secara mutlak oleh Pihak berkenaan.

PERKARA 9
KERAHSIAAN

1. Setiap Pihak hendaklah mengaku janji untuk mematuhi kerahsiaan dokumen, maklumat dan data lain yang diterima daripada, atau dibekalkan kepada, Pihak yang satu lagi semasa melaksanakan Memorandum Persefahaman ini atau apa-apa perjanjian lain yang dibuat menurut Memorandum Persefahaman ini.

2. Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa peruntukan Perkara ini akan menguatkuasakan tamat tempoh atau penamatan Memorandum Persefahaman ini.

PERKARA 10
PENGGANTUNGAN

Setiap Pihak berhak atas sebab keselamatan negara, kepentingan negara, ketenteraman awam atau kesihatan awam untuk menggantung sementara, sama ada keseluruhan atau sebahagian, pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini yang penggantungannya akan berkuat kuasa serta-merta setelah pemberitahuan bertulis diberi kepada Pihak yang satu lagi melalui saluran diplomatik.

PERKARA 11
SEMAKAN SEMULA, PENGUBAHAN DAN PINDAAN

1. Mana-mana satu Pihak boleh memohon secara bertulis untuk menyemak semula, mengubah atau meminda semua atau mana-mana bahagian dalam Memorandum Persefahaman ini.

2. Apa-apa semakan semula, pengubahan atau pindaan yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak akan dibuat secara bertulis dan akan membentuk bahagian penting dalam Memorandum Persefahaman ini.

3. Semakan semula, pengubahan atau pindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh tersebut seperti yang boleh ditentukan oleh Kedua-dua Pihak.

4. Melainkan diputuskan sebaliknya oleh Kedua-dua Pihak, apa-apa semakan semula, pengubahan atau pindaan tidak akan menjejaskan pelaksanaan aktiviti atau program yang sedang berjalan yang telah dipersetujui bersama oleh Kedua-dua Pihak sebelum atau sehingga tarikh semakan semula, pengubahan atau pindaan tersebut.

PERKARA 12
PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Kedua-dua Pihak berkenaan dengan pentafsiran dan/atau pelaksanaan dan/atau penggunaan apa-apa peruntukan dalam Memorandum Persefahaman ini hendaklah

diselesaikan secara baik melalui rundingan dan/atau perbincangan bersama antara Kedua-dua Pihak melalui saluran diplomatik, tanpa merujuk mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

PERKARA 13
PERMULAAN KUAT KUASA, TEMPOH DAN PENAMATAN

1. Memorandum Persefahaman ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani dan akan terus berkuat kuasa bagi tempoh lima (5) tahun.

2. Selepas itu, ia akan dilanjutkan secara automatik bagi tempoh lima (5) tahun lagi.

3. Walau apa pun yang terkandung dalam Perkara ini, mana-mana satu Pihak boleh menamatkan Memorandum Persefahaman ini dengan memaklumkan Pihak yang satu lagi tentang hasratnya untuk menamatkan Memorandum Persefahaman ini dengan memberikan notis bertulis melalui saluran diplomatik, sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum Pihak tersebut berhasrat untuk berbuat demikian.

4. Penamatan Memorandum Persefahaman ini tidak akan menjejaskan pelaksanaan aktiviti dan/atau program yang sedang berjalan yang telah dipersetujui sebelum tarikh Memorandum Persefahaman ini tamat.

PADA MENYAKSIKANNYA, penandatangan di bawah, diberi kuasa sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah

menandatangani Memorandum Persefahaman ini.

DIADAKAN di PUTRAJAYA pada 6 haribulan MAC tahun 2019 dalam enam (6) teks asal, dua (2) setiap satunya dalam bahasa Melayu, bahasa Vietnam dan bahasa Inggeris, yang semua teks adalah teks asal. Jika terdapat apa-apa perbezaan tafsiran antara mana-mana satu teks, maka teks bahasa Inggeris akan digunakan.

BAGI KERAJAAN R.S. VIET NAM

.....

(PROF. DR. PHUNG XUAN NHA)
Menteri Pendidikan dan Latihan

BAGI KERAJAAN MALAYSIA

.....

(DR. MASZLEE MALIK)
Menteri Pendidikan

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING

BETWEEN

THE GOVERNMENT OF THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

AND

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

ON

CO-OPERATION IN THE FIELD OF EDUCATION

THE GOVERNMENT OF THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM as represented by the Ministry of Education and Training of Viet Nam and **THE GOVERNMENT OF MALAYSIA** as represented by the Ministry of Education of Malaysia (hereinafter referred to singularly as "the Party" and collectively as "the Parties"),

WHEREAS the Government of the Socialist Republic of Viet Nam and the Government of Malaysia had entered into a Memorandum of Understanding between the Government of the Socialist Republic of Viet Nam and the Government of Malaysia on Co-operation in the Field of Education on 21 April 2004 ("the 2004 Memorandum of Understanding");

WHEREAS having successfully implemented the 2004 Memorandum of Understanding, the Parties now intend to continue their co-operation with regard to education through this Memorandum of Understanding which shall serve as a renewal of the 2004 Memorandum of Understanding;

RECOGNISING the existing friendly relations between the two countries;

DESIRING to strengthen and further develop co-operation between the two countries in the field of education;

CONVINCED of the necessity of a lasting and effective co-operation in

the interest of both countries; and

BELIEVING that such co-operation would serve their common interests and contribute to the enhancement of the field of education and social development of both countries,

HAVE AGREED as follows:

ARTICLE 1
OBJECTIVE

The Parties shall, subject to the terms of this Memorandum of Understanding and the laws, rules, regulations and national policies from time to time in force in each country, agree to strengthen, promote and develop co-operation in the field of education between the Parties on the basis of equality and mutual benefit.

ARTICLE 2
AREAS OF CO-OPERATION

Each Party shall, subject to the laws, rules, regulations and national policies from time to time in force, governing the subject matter in their respective countries, take necessary steps to encourage and promote co-operation in the following areas:

1. promotion of school and institution linkages;
2. teacher education and training;
3. collaboration in educational assessment;
4. educational planning and research;
5. educational management and leadership;
6. curriculum design and development; and
7. any other areas of co-operation in accordance with the objective of this Memorandum of Understanding as set out in Article 1, to be mutually

agreed upon by the Parties.

ARTICLE 3
FORMS OF CO-OPERATION

Subject to the laws, rules, regulations and national policies from time to time in force, co-operation under this Memorandum of Understanding shall take the following forms:

1. exchange programmes between educational leaders, high officials, experts, teachers, administrators and students;
2. exchange of education related materials, publications, teaching aids and information;
3. meetings, workshops, exhibitions, conferences, seminars, study visits, competitions, camps, scholarships or sponsorship; and
4. any other forms of educational co-operation in accordance with the objective of this Memorandum of Understanding as set out in Article 1, to be mutually agreed upon by the Parties.

ARTICLE 4
DESIGNATED AUTHORITY

The designated authority responsible for the implementation of this Memorandum of Understanding on behalf of the Government of the Socialist Republic of Viet Nam shall be the Ministry of Education and Training of Viet Nam and on behalf of the Government of Malaysia shall be the Ministry of Education of Malaysia.

ARTICLE 5
JOINT WORKING GROUP

1. The Parties shall establish a Viet Nam-Malaysia Joint Working Group (hereinafter referred to as "the Joint Working Group").
2. The Joint Working Group shall -

(a) consider ways and means to promote the aforesaid objective and ensure the proper co-ordination and implementation of its decisions and/or recommendations;

(b) review the progress of the implementation of all understandings concluded between the two countries within the framework of this Memorandum of Understanding; and

(c) take necessary steps to ensure the active and speedy implementation of the understandings.

3. The Joint Working Group shall be chaired on behalf of the Government of the Socialist Republic of Viet Nam by a Vice Minister of the Ministry of Education and Training of Viet Nam or any senior official appointed by the Ministry of Education and Training of Viet Nam and on behalf of the Government of Malaysia by the Secretary General of the Ministry of Education of Malaysia or any senior official appointed by the Ministry of Education of Malaysia, with participation from other relevant government agencies of the Parties as appropriate.

4. The Joint Working Group shall meet at least once in two (2) years or whenever necessary, alternately in Viet Nam and Malaysia.

5. The Joint Working Group shall meet at a date convenient to and mutually agreed upon by the Parties.

6. The composition and procedure of the Joint Working Group shall be mutually agreed upon by the Parties.

7. The decisions and other conclusions of the Joint Working Group shall be reflected in the Agreed Minutes of the Meeting and shall comply with this Memorandum of Understanding and the Parties shall take appropriate steps to implement these decisions and conclusions.

ARTICLE 6
FINANCIAL ARRANGEMENTS

1. The financial arrangements to cover expenses for the co-operative activities undertaken within the framework of this Memorandum of

Understanding shall be mutually agreed upon by both Parties subject to each Parties' rules, regulations and the availability of funds.

2. Notwithstanding anything in paragraph 1 above, expenses for organising the meetings of the Joint Working Group shall be borne by the Party hosting the meetings. The Party, which is sending its representatives for participation in the meetings of the Joint Working Group, if any, shall bear their own travel and living expenses.

ARTICLE 7
PARTICIPATION OF THIRD PARTY

Either Party may invite the participation of a third party in the joint activities or programmes being carried out under this Memorandum of Understanding upon the agreement of the other Party. In carrying out such joint activities or programmes, the Parties shall ensure that the third party shall comply with the provisions of this Memorandum of Understanding.

ARTICLE 8
PROTECTION OF INTELLECTUAL PROPERTY RIGHTS

1. The protection of intellectual property rights shall be enforced in conformity with the respective national laws, rules and regulations of the Parties and with other international agreements to which both Parties are Party to.

2. The use of the name, logo and/or official emblem of any of the Parties on any publication, document and/or paper is prohibited without the prior written approval of either Party.

3. Notwithstanding anything in paragraph 1 above, the intellectual property rights in respect of any technological development, products and services development, carried out-

   (a) jointly by the Parties or research results obtained through the joint activity effort of the Parties, shall be jointly owned by the Parties in accordance with the terms to be mutually agreed upon; and

(b) solely and separately by the Party or the research results obtained through the sole and separate effort of the Party, shall be solely owned by the Party concerned.

ARTICLE 9
CONFIDENTIALITY

1. Each Party shall undertake to observe the confidentiality and secrecy of documents, information and other data received from, or supplied to, the other Party during the implementation of this Memorandum of Understanding or any other agreements made pursuant to this Memorandum of Understanding.
2. Both Parties agree that the provisions of this Article shall survive the expiry or termination of this Memorandum of Understanding.

ARTICLE 10
SUSPENSION

Each Party reserves the right for reasons of national security, national interest, public order or public health to suspend temporarily, either in whole or in part, the implementation of this Memorandum of Understanding which suspension shall take effect immediately after written notification has been given to the other Party through diplomatic channels.

ARTICLE 11
REVISION, MODIFICATION AND AMENDMENT

1. Either Party may request in writing a revision, modification or amendment of all or any part of this Memorandum of Understanding.
2. Any revision, modification or amendment agreed to by the Parties shall be reduced into writing and shall form an integral part of this Memorandum of Understanding.
3. Such revision, modification or amendment shall come into force on such date as may be determined by the Parties.

4. Unless otherwise decided by the Parties, any revision, modification or amendment shall not affect the implementation of on-going activities or programmes which have been mutually agreed by the Parties before or up to the date of such revision, modification or amendment.

ARTICLE 12
SETTLEMENT OF DISPUTES

Any difference or dispute between the Parties concerning the interpretation and/or implementation and/or application of any of the provisions of this Memorandum of Understanding shall be settled amicably through mutual consultation and/or negotiations between the Parties through diplomatic channels, without reference to any third party or international tribunal.

ARTICLE 13
ENTRY INTO FORCE, DURATION AND TERMINATION

1. This Memorandum of Understanding shall come into force on the date of signing and shall remain in force for a period of five (5) years.
2. Thereafter, it shall be automatically extended for a further period of five (5) years.
3. Notwithstanding anything in this Article, either Party may terminate this Memorandum of Understanding by notifying the other Party of its intention to terminate this Memorandum of Understanding by a notice in writing through diplomatic channels, at least three (3) months prior to its intention to do so.
4. The termination of this Memorandum of Understanding shall not affect the implementation of on-going activities and/or programmes which have been agreed prior to the date of termination of this Memorandum of Understanding.

IN WITNESS WHEREOF, the undersigned, being duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Memorandum of Understanding.

DONE at PUTRAJAYA, on this 6 day of MARCH in the year 2019 in six (6) original texts, two (2) each in the Malay, Vietnamese and English languages, all text being equally authentic. In the event of any divergence of interpretation between any of the texts, the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT OF THE S.R.VIET NAM	**FOR THE GOVERNMENT OF MALAYSIA**
(PROF. DR. PHUNG XUAN NHA)	**(DR. MASZLEE MALIK)**
Minister of Education and Training	**Minister of Education**

BẢN GHI NHỚ
GIỮA
CHÍNH PHỦ NƯỚC CỘNG HÒA XÃ HỘI CHỦ NGHĨA VIỆT NAM
VÀ
CHÍNH PHỦ MA-LAI-XI-A
VỀ
HỢP TÁC TRONG LĨNH VỰC GIÁO DỤC

CHÍNH PHỦ NƯỚC CỘNG HÒA XÃ HỘI CHỦ NGHĨA VIỆT NAM, do Bộ Giáo dục và Đào tạo Việt Nam làm đại diện và **CHÍNH PHỦ MA-LAI-XI-A**, do Bộ Giáo dục Ma-lai-xi-a làm đại diện (sau đây được gọi riêng là "Bên" và gọi chung là "hai Bên");

XÉT RẰNG Chính phủ nước Cộng hòa xã hội chủ nghĩa Việt Nam và Chính phủ Ma-lai-xi-a đã ký Bản Ghi nhớ giữa Chính phủ nước Cộng hòa xã hội chủ nghĩa Việt Nam và Chính phủ Ma-lai-xi-a về Hợp tác trong lĩnh vực Giáo dục ngày 21 tháng 4 năm 2004 ("Bản Ghi nhớ năm 2004");

XÉT RẰNG hai Bên đã thực hiện thành công Bản Ghi nhớ năm 2004, nay hai Bên có ý định tiếp tục hợp tác về giáo dục thông qua Bản Ghi nhớ này và được coi là bản thay thế Bản Ghi nhớ năm 2004;

GHI NHẬN mối quan hệ hữu nghị hiện hữu giữa hai nước;

MONG MUỐN tăng cường và phát triển hơn nữa quan hệ hợp tác giữa hai nước trong lĩnh vực giáo dục;

NHẬN THỨC được sự cần thiết của quan hệ hợp tác lâu dài và hiệu quả vì lợi ích của hai quốc gia; và

TIN TƯỞNG rằng quan hệ hợp tác này sẽ phục vụ cho lợi ích chung và góp phần thúc đẩy phát triển giáo dục và xã hội của hai quốc gia,

ĐÃ THỎA THUẬN như sau:

ĐIỀU 1
MỤC TIÊU

Hai Bên, phụ thuộc vào các điều khoản của Bản Ghi nhớ này và các luật, quy tắc, quy định và chính sách quốc gia có hiệu lực trong từng thời kỳ tại mỗi nước, thỏa thuận tăng cường, thúc đẩy và phát triển hợp tác trong lĩnh vực giáo dục giữa hai Bên trên cơ sở bình đẳng và cùng có lợi.

ĐIỀU 2
LĨNH VỰC HỢP TÁC

Mỗi Bên, căn cứ vào các luật, quy tắc, quy định và chính sách quốc gia có hiệu lực vào từng thời kỳ, chi phối vấn đề hợp tác giữa hai Bên tại quốc gia của mình, thực hiện các bước cần thiết để khuyến khích và thúc đẩy hợp tác trong các lĩnh vực sau:

1. Thúc đẩy liên kết giữa các cơ sở giáo dục;

2. Đào tạo và bồi dưỡng giáo viên;

3. Hợp tác về đánh giá giáo dục;

4. Nghiên cứu và lập kế hoạch giáo dục;

5. Lãnh đạo và quản lý giáo dục;

6. Thiết kế và xây dựng chương trình; và

7. Mọi lĩnh vực hợp tác khác phù hợp với mục tiêu nêu tại Điều 1 của Bản ghi nhớ này do hai Bên cùng thỏa thuận.

ĐIỀU 3
HÌNH THỨC HỢP TÁC

Căn cứ vào các luật, quy tắc, quy định và chính sách quốc gia có hiệu lực vào từng thời kỳ, hợp tác trong khuôn khổ Bản Ghi nhớ này được thực hiện dưới các hình thức sau:

1. Trao đổi chương trình giữa các nhà lãnh đạo giáo dục, quan chức cấp cao, chuyên gia, giáo viên, cán bộ quản lý và sinh viên;

2. Trao đổi học liệu, xuất bản phẩm, giáo cụ và thông tin;

3. Các cuộc họp, tập huấn, triển lãm, hội nghị, hội thảo, thăm quan học tập, các cuộc thi, trại hè, học bổng hoặc tài trợ; và

4. Mọi hình thức hợp tác giáo dục khác phù hợp với mục tiêu nêu tại Điều 1 của Bản ghi nhớ này do hai Bên cùng thỏa thuận.

ĐIỀU 4
CƠ QUAN THỰC HIỆN

Bộ Giáo dục và Đào tạo Việt Nam thay mặt cho Chính phủ Nước Cộng hòa Xã hội Chủ nghĩa Việt Nam và Bộ Giáo dục Ma-lai-xi-a thay mặt cho Chính phủ Ma-lai-xi-a chịu trách nhiệm thực hiện Bản Ghi nhớ này.

ĐIỀU 5
NHÓM CÔNG TÁC CHUNG

1. Hai Bên sẽ thành lập Nhóm Công tác Chung Việt Nam - Ma-lai-xi-a (sau đây gọi tắt là "Nhóm Công tác Chung").

2. Nhóm Công tác Chung có nhiệm vụ:

(a) xem xét các phương pháp và biện pháp để thúc đẩy mục tiêu nêu trên và bảo đảm việc điều phối và thực hiện phù hợp các quyết định và/hoặc khuyến nghị của mình;

(b) đánh giá tiến độ thực hiện tất cả các thỏa thuận giữa hai nước trong khuôn khổ Bản Ghi nhớ này; và

(c) tiến hành các bước cần thiết để đảm bảo các thỏa thuận được thực thi một cách tích cực và nhanh chóng.

3. Nhóm Công tác Chung này sẽ do một Thứ trưởng của Bộ Giáo dục và Đào tạo Việt Nam hoặc bất kỳ một quan chức cấp cao nào do Bộ Giáo dục và Đào tạo Việt Nam chỉ định thay mặt cho Chính phủ Nước Cộng hòa Xã hội Chủ nghĩa Việt Nam và Tổng thư ký của Bộ Giáo dục Ma-lai-xi-a hoặc bất kỳ một quan chức cấp cao nào do Bộ Giáo dục Ma-lai-xi-a chỉ định thay mặt cho Chính phủ Ma-lai-xi-a đồng chủ trì với sự tham gia của các cơ quan chính phủ có liên quan phù hợp của hai Bên.

4. Nhóm Công tác Chung sẽ họp luân phiên hai (2) năm một lần hoặc khi cần thiết theo yêu cầu của một trong hai Bên tại Việt Nam và Ma-lai-xi-a.

5. Nhóm Công tác Chung tổ chức họp vào thời gian thuận tiện do hai Bên thỏa thuận.

6. Thành phần và cơ chế làm việc của Nhóm Công tác Chung sẽ do hai Bên cùng quyết định.

7. Các quyết định và kết luận khác của Nhóm Công tác Chung sẽ được thể hiện trong Biên bản Họp và phù hợp với nội dung của Bản Ghi nhớ này. Hai Bên sẽ tiến hành các bước cần thiết để thực hiện những quyết định và kết luận này.

ĐIỀU 6
THỎA THUẬN TÀI CHÍNH

1. Các thỏa thuận về tài chính để chi trả cho các hoạt động hợp tác trong khuôn khổ của Bản Ghi nhớ này sẽ được hai Bên cùng thoả thuận phù hợp với các quy tắc, quy định và khả năng tài chính sẵn có của mỗi Bên.

2. Không phụ thuộc vào bất kỳ quy định nào tại khoản 1 ở trên, chi phí tổ chức các cuộc họp Nhóm Công tác Chung sẽ do Bên chủ nhà chi trả. Bên cử đại diện tham gia các cuộc họp của Nhóm Công tác Chung, nếu có, sẽ tự chịu các chi phí đi lại và sinh hoạt.

ĐIỀU 7
THAM GIA CỦA BÊN THỨ BA

Mỗi Bên đều có thể mời một bên thứ ba tham gia vào các hoạt động hoặc các chương trình chung trong khuôn khổ Bản Ghi nhớ này khi được Bên kia đồng ý. Khi thực hiện các hoạt động hoặc chương trình chung này, hai Bên phải bảo đảm rằng bên thứ ba tham gia cũng phải tuân thủ những quy định của Bản Ghi nhớ này.

ĐIỀU 8
BẢO VỆ QUYỀN SỞ HỮU TRÍ TUỆ

1. Việc bảo vệ quyền sở hữu trí tuệ được thực thi theo các luật pháp, quy tắc và quy định quốc gia của hai Bên và các điều ước quốc tế mà mỗi Bên là thành viên.

2. Nghiêm cấm việc sử dụng tên, biểu tượng và/hoặc quốc huy của bất kỳ Bên nào trên bất kỳ ấn phẩm, tài liệu và/hoặc công trình nghiên cứu nào khi chưa được Bên kia đồng ý trước bằng văn bản.

3. Không phụ thuộc vào bất kỳ quy định nào tại khoản 1 ở trên, quyền sở hữu trí tuệ đối với bất kỳ sự phát triển công nghệ, sản phẩm và phát triển dịch vụ nào khi được thực hiện:

a) chung giữa hai Bên hoặc các kết quả nghiên cứu có được qua các hoạt động chung thì sẽ được hai Bên đồng sở hữu phù hợp với các điều kiện do hai Bên cùng thỏa thuận, và

b) riêng và độc lập bởi một Bên hoặc các kết quả nghiên cứu có được bằng các hoạt động riêng và độc lập của một Bên thì sẽ thuộc sở hữu riêng của Bên có liên quan.

ĐIỀU 9
BẢO MẬT

1. Mỗi Bên cam kết sẽ bảo mật các tài liệu, thông tin và các dữ liệu nhận được hoặc do Bên kia cung cấp trong thời gian thực hiện Bản Ghi nhớ này hay bất kỳ thỏa thuận nào khác đạt được theo Bản Ghi nhớ này.

2. Hai Bên thỏa thuận rằng quy định của Điều này sẽ tiếp tục có hiệu lực ràng buộc hai Bên không phụ thuộc vào việc chấm dứt hiệu lực của Bản Ghi nhớ này.

ĐIỀU 10
TẠM DỪNG

Vì lý do an ninh quốc gia, lợi ích quốc gia, trật tự xã hội hoặc y tế công cộng của mỗi Bên, mỗi Bên đều có quyền tạm dừng việc thực hiện toàn bộ hoặc một phần Bản Ghi nhớ này và việc tạm dừng thực hiện đó sẽ có hiệu lực ngay lập tức sau khi đã thông báo bằng văn bản cho Bên kia biết thông qua đường ngoại giao.

ĐIỀU 11
ĐIỀU CHỈNH, SỬA ĐỔI VÀ BỔ SUNG

1. Mỗi Bên có thể yêu cầu bằng văn bản đề nghị điều chỉnh, sửa đổi và bổ sung tất cả hoặc một phần bất kỳ của Bản Ghi nhớ này.

2. Mọi điều chỉnh, sửa đổi và bổ sung được hai Bên đồng ý sẽ được lập thành văn bản và sẽ là một phần không tách rời của Bản Ghi nhớ này.

3. Hai Bên sẽ quyết định thời gian có hiệu lực của những điều chỉnh, sửa đổi và bổ sung đó.

4. Trừ khi hai Bên có quyết định khác, mọi điều chỉnh, sửa đổi và bổ sung đều không ảnh hưởng đến việc thực hiện các hoạt động hoặc chương trình đang được triển khai và đã được hai Bên thỏa thuận vào trước ngày có những điều chỉnh, sửa đổi hoặc bổ sung đó.

ĐIỀU 12
GIẢI QUYẾT TRANH CHẤP

Mọi bất đồng hoặc tranh chấp giữa hai Bên liên quan đến việc diễn giải và/hoặc thực hiện và/hoặc áp dụng bất kỳ điều khoản nào trong Bản Ghi nhớ này sẽ được giải quyết hữu nghị thông qua tham vấn và/hoặc đàm phán giữa hai Bên qua đường ngoại giao và không cần đến bất kỳ Bên thứ ba hoặc tòa quốc tế nào.

ĐIỀU 13
HIỆU LỰC, THỜI HẠN VÀ CHẤM DỨT

1. Bản Ghi nhớ này có hiệu lực kể từ ngày ký và có giá trị trong thời gian năm (5) năm.

2. Bản Ghi nhớ này sẽ được tự động gia hạn cho một khoảng thời gian năm (5) năm tiếp theo sau khi hết hạn.

3. Không phụ thuộc vào quy định tại Điều này, mỗi Bên đều có thể chấm dứt Bản Ghi nhớ này bằng một văn bản thông báo cho bên kia biết qua đường ngoại giao ít nhất là ba (3) tháng trước thời điểm có ý định chấm dứt.

4. Việc chấm dứt Bản Ghi nhớ này sẽ không ảnh hưởng đến việc thực hiện các hoạt động và/hoặc các chương trình đã được thoả thuận trước ngày chấm dứt Bản Ghi nhớ này.

ĐỂ LÀM BẰNG, những người ký tên dưới đây, đã được các Chính phủ của mỗi nước ủy quyền hợp pháp, đã ký Bản ghi nhớ này.

KÝ TẠI PUTRAJAYA , ngày 6 tháng MARCH năm 2019 thành hai (2) bản chính, mỗi bản bằng tiếng Việt, tiếng Mã-lai và tiếng Anh, các văn bản có giá trị như nhau. Trường hợp có sự khác biệt giữa các văn bản thì sẽ dùng bản tiếng Anh làm căn cứ.

THAY MẶT CHÍNH PHỦ	**THAY MẶT CHÍNH PHỦ**
NƯỚC CHXHCN VIỆT NAM	**MA-LAI-XI-A**
(GS.TS. PHÙNG XUÂN NHẠ)	**(TS. MASZLEE MALIK)**
Bộ trưởng Bộ Giáo dục và Đào tạo	**Bộ trưởng Bộ Giáo dục**